



**UNIVERSITI ISLAM SELANGOR**

الجامعة الإسلامية  
SELANGOR ISLAMIC UNIVERSITY

**BUKU PANDUAN GRADUAN  
MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-26 TAHUN 2023  
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR**



Di sini lahirnya... DAI, ULAMA & UMARAK

Assalamualaikum wrt. wbt.

Para Graduan yang Budiman

Sempena Penganjuran Majlis Konvokesyen Kali Ke-26 Tahun 2023 Universiti Islam Selangor ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas atas kejayaan saudara dan saudari.

**Untuk makluman, Majlis Konvokesyen Kali Ke-26 Tahun 2023 Universiti Islam Selangor (UIS) akan diadakan di Pusat Konvensyen UIS pada 23 sehingga 26 September 2023 bersamaan 7 sehingga 10 Rabiulawwal 1445H (“Majlis Konvokesyen”).**

Majlis Konvokesyen Kali Ke-26 Tahun 2023 UIS akan diadakan secara bersemuka dengan kehadiran ibu/bapa atau penjaga bersama graduan mengikut tarikh program yang telah ditetapkan.

Majlis Konvokesyen melibatkan graduan dari Fakulti Pengurusan & Muamalah (FPM), Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU), Fakulti Multimedia Kreatif & Komputeran (FMKK), Fakulti Pendidikan (FP) dan Institut Kajian Hadis & Akidah (INHAD).

## 1.0 PENGESAHAN KEHADIRAN

- 1.1 Pengesahan Kehadiran Graduan perlu diisi dengan lengkap dengan kadar segera. Pengesahan Kehadiran Graduan boleh dibuat melalui pautan laman web rasmi Majlis Konvokesyen UIS (<http://konvo.kuis.edu.my>) selewatnya-lewatnya pada **31 Ogos 2023 (Khamis)**.
- 1.2 Pengesahan kehadiran ke Majlis Konvokesyen **hanya boleh dibuat sekali sahaja**.
- 1.3 Graduan hendaklah mematuhi arahan kehadiran yang telah ditentukan mengikut sesi yang ditetapkan.
- 1.4 Graduan tidak dibenarkan menangguhkan Majlis Konvokesyen ataupun mewakilkan kepada orang lain bagi menghadiri Majlis Konvokesyen.

## 2.0 RINGKASAN ATUR CARA MAJLIS

Panduan kepada graduan yang akan mengambil bahagian dalam **Majlis Konvokesyen**.

- 2.1 Para graduan dikehendaki berkumpul dengan berpakaian lengkap pakaian akademik graduan di hadapan Pejabat Bahagian Teknologi Maklumat, Blok IT UIS pada waktu yang ditetapkan. Para graduan diingatkan supaya tidak melengahkan masa untuk berkumpul bagi melalui proses semakan Kad Graduan (RFID Card) dan pengesahan kehadiran di dalam sistem RFID yang disediakan.
- 2.2 **Larangan memakai kasut jenis *Sport* atau *Sneakers* kepada graduan. Sekiranya didapati melanggar arahan Jawatankuasa Protokol akan meminta graduan memakai kasut yang disediakan oleh pihak Jawatankuasa.**
- 2.3 **KAD GRADUAN** akan digunakan untuk tujuan paparan maklumat Graduan semasa Graduan berjalan di pentas. **SILA SIMPAN KAD TERSEBUT DAN BAWA BERSAMA KE ATAS PENTAS. KEGAGALAN UNTUK MEMBAWA BERSAMA KAD AKAN MENYEBABKAN GRADUAN TIDAK DIBENARKAN UNTUK NAIK KE PENTAS.**

- 2.4 Semasa majlis penganugerahan, nama graduan akan diumumkan untuk menerima Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda atau Diploma.

Apabila nama Graduan diumumkan, Graduan diminta berjalan terus ke arah Pengerusi Sidang Majlis Konvokesyen, tunduk sebagai tanda hormat, mengambil folder dari Pengerusi Sidang bagi tujuan penerimaan Ijazah Doktor Falsafah/Ijazah Sarjana/Ijazah Sarjana Muda atau Diploma dengan kedua belah tangan dan memberikan ucapan "**Terima Kasih**" kepada Pengerusi Sidang Majlis Konvokesyen atau kaedah serahan folder tertakluk kepada perubahan.

### **3.0 JEMPUTAN IBU BAPA ATAU PENJAGA**

- 3.1 Graduan UIS Kali Ke-26 bersama **DUA (2) orang waris (ibu bapa/ahli keluarga)** adalah dibenarkan hadir dan berada di dalam Pusat Konvensyen UIS.

### **4.0 BAYARAN YURAN GRADUASI**

- 4.1 Bayaran yuran graduasi bagi Graduan UIS adalah berjumlah **Ringgit Malaysia Tiga Ratus Lima Puluh (RM350.00) (termasuk RM25.00 Yuran Alumni)**.
- 4.2 Pembayaran perlu dibuat sebelum atau pada **31 Ogos 2023 (Khamis)**.
- 4.3 Bayaran bagi pakej gambar **TIDAK** termasuk dalam Yuran Graduasi. Sekiranya terdapat sebarang masalah, Graduan boleh berhubung terus dengan pihak syarikat Jurufoto rasmi bagi Majlis Konvokesyen Kali Ke-26 UIS yang dilantik.

#### **KAEDAH BAYARAN YURAN GRADUASI**

- a) Deposit Tunai (Pembayaran di Kaunter Bank Islam)**

Bayaran ke akaun Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) atas nama "KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR/KUIS"

No. Akaun: **12-029-01-0051764**

**b) IPT PRESENTMENT (Melalui Mesin ATM)**

**SYARAT** : Pembayar perlu mempunyai akaun BIMB untuk melaksanakan proses pembayaran.



SILA PILIH TRANSAKSI

PEMBAYARAN PEMBIAYAAN TABUNG HAJI DEPOSIT WANG

PEMBAYARAN BIL PEMBAYARAN KAD BANK ISLAM YURAN IPT / BILL PRESENTMENT

SILA SAHABAT PEMBAYARAN BIL

PENERIMA: KUIS


NAMA :  
NO IC :  
NO BIL : #50EP15F106J\*

SILA PASTIKAN AMAUN RM200.00

TEKAN JIKA BETUL  
TEKAN JIKA SALAH

Selesai pembayaran, RESIT PEMBAYARAN hendaklah disimpan untuk pengesahan pejabat bendahari.

**c) BILL PRESENTMENT (<https://www.bankislam.biz/>)**



**BANK ISLAM**

Home My Accounts Term Deposit & Investment Funds Transfer Payments / Services

Welcome  
You had last logged in on 28-May-2019 21:19:17 MYT


Account Summary Cheque Book Request Cheque Status Inquiry Instant Transfer

Over Account Prepaid Rebill Payment (Bill) Bill Presentment

**\*\* UNTUK MAKLUMAN PEMBAYARAN ONLINE BILL PRESENTMENT BANK ISLAM, BOLEH MENGGUNAKAN AKAUN BANK ISLAM ORANG LAIN, TIDAK SEMESTINYA AKAUN BANK ISLAM PELAJAR BERKENAAN\*\***

**\*\*PASTIKAN NO IC YANG DIGUNAKAN ADALAH NO IC PELAJAR\*\***

**1) LOG MASUK KE DALAM <https://www.bankislam.biz/> (PERLU MENDAFTAR DAHULU UNTUK ONLINE BANKING BANK ISLAM) PILIH \*BILL PRESENTMENT\***



**BANK ISLAM**

Home My Accounts Term Deposit & Investment Funds Transfer Payments / Services Settings

Bill Presentment as at 30-May-2019 08:14:24 MYT

ID / IC Type Please select

ID / IC

Bill Presentment as at 30-May-2019 08:14:24 MYT

ID / IC Type Please select

ID / IC

Please select  
Please select  
New IC Number  
Old IC Number  
Passport Number  
Military Number  
Business Registration Number

PILIH : "New IC Number"

Submit

**2) KLIK \*PLEASE SELECT\* DAN PILIH \*NEW IC NUMBER\***

## Bill Presentment

as at 30-May-2019 10:07:13 MYT

ID / IC Type  **KLIK "SUBMIT"**

ID / IC

ISI NO KAD PENGENALAN

Submit

**Note:**

To view our Bill Presentment Billers, click here

© Bank Islam Malaysia Berhad (98127-X). All rights reserved.

### 3) MASUKKAN \*NO IC PELAJAR\* DAN \*KLIK SUBMIT\*

#### List of Bill Presentment

| Select                           | No | Billers                                      | Bill Number   |
|----------------------------------|----|--|---------------|
| <input checked="" type="radio"/> | 1  | Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor | KUIS920613065 |
| <input type="radio"/>            | 2  | Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor | KUIS920613065 |
| <input type="radio"/>            | 3  | PTPTN - Bayaran Balik Pinjaman               | U920613065512 |
| <input type="radio"/>            | 4  | PTPTN - Bayaran Balik Pinjaman               | U920613065512 |

**Note:**

To view our Bill Presentment Billers, click here

Pay Cancel

© Bank Islam Malaysia Berhad (98127-X). All rights reserved.

### 4) KLIK UNTUK \*NO 1, KUIS920613065\* DAN KLIK \*PAY\*

## Bill Presentment (Step 1 of 3)

Quick Funds Transfer

as at 25 Jul 2019 10:47:11 MYT

From Account  View Account Details

Billers

Bill Number

Student Name

Student Number

Amount

Charge Amount

Back Pay Cancel

© Bank Islam Malaysia Berhad (98127-X). All rights reserved.

### 5) SEMAK SEMULA NAMA PELAJAR. KEY-IN AMAUN PEMBAYARAN KONVO RM350.00 DAN KLIK PAY.

## Bill Presentment Verification (Step 2 of 3)

Quick Funds Transfer

as at 25 Jul 2019 10:47:35 MYT

From Account

Billers

Bill Number

Student Name

Student Number

Amount

Charge Amount

i-Access Code:

Request i-Access Code

Back Confirm Cancel

© Bank Islam Malaysia Berhad (98127-X). All rights reserved.

### 6) SEMAK SEMULA PEMBAYARAN, KLIK PADA \*REQUEST I-ACCESS CODE\*. TERIMA TAG CODE, MASUKAN TAG CODE, KLIK \* CONFIRM\* -SELESAI-

- (i) Sila emel bukti bayaran ke [studentfinance@kuis.edu.my](mailto:studentfinance@kuis.edu.my) (**Nyatakan Nama Penuh, No Pelajar & Bayaran Yuran Graduasi**). Salinan resit rasmi boleh di dapati di <http://konvo.kuis.edu.my>.
- (ii) Graduan yang mendapat HPNG 3.75 dan ke atas pada semester terakhir pengajian diberikan insentif 50% pengurangan daripada jumlah bayaran yuran graduasi, walau bagaimanapun Yuran Alumni RM25.00 perlu dibayar. Ini menjadikan jumlah keseluruhan bayaran Yuran Graduasi adalah sebanyak RM187.50.

4.4 Tarikh pengambilan pakaian akademik graduan adalah mengikut ketetapan berikut:

| <b>HARI PERTAMA</b> | <b>FP, FSU DAN INHAD</b>   |
|---------------------|----------------------------|
| Tempat              | DEWAN MAHASISWA            |
| Tarikh              | 12 September 2023 (Selasa) |
| Masa                | 9.00 pagi – 4.00 petang    |

| <b>HARI KEDUA</b> | <b>FPM</b>               |
|-------------------|--------------------------|
| Tempat            | DEWAN MAHASISWA          |
| Tarikh            | 13 September 2023 (Rabu) |
| Masa              | 9.00 pagi – 4.00 petang  |

| <b>HARI KETIGA</b> | <b>FPPI DAN FMKK</b>       |
|--------------------|----------------------------|
| Tempat             | DEWAN MAHASISWA            |
| Tarikh             | 14 September 2023 (Khamis) |
| Masa               | 9.00 pagi – 4.00 petang    |

#### **PERHATIAN**

- Graduan perlu mematuhi etika pemakaian yang dibenarkan/ditetapkan berdasarkan peraturan UIS.

- Sila serahkan slip yang telah diberi.
- Sila pastikan Pakaian Akademik yang diterima adalah lengkap iaitu merangkumi jubah akademik, mortar board/bonnet dan hood.
- Graduan hanya dibenarkan mengambil Pakaian Akademik **mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan sahaja.**
- Graduan digalakkan mengambil Pakaian Akademik sendiri untuk menentukan saiz yang sesuai. **Tiada urusan penukaran jubah selepas jubah diterima oleh Graduan.**
- Graduan tidak dibenarkan mengubah suai mana-mana bahagian Pakaian akademik graduan yang dipinjam.

**Nota:**

**Borang Pengesahan Majlis Konvokesyen dan Borang Pengesahan Pemulangan Jubah (bagi Graduan yang mengambil sendiri jubah atau mewakilkan orang lain mengambil jubah) boleh diisi yang dicetak dalam aplikasi [MyKonvo](#) di laman web rasmi Majlis Konvokesyen UIS (<http://konvo.kuis.edu.my>).**

## **5.0 PEMULANGAN PAKAIAN AKADEMIK**

5.1 Pakaian akademik graduan **mesti** dipulangkan mengikut tarikh yang telah ditetapkan:

| <b>HARI PERTAMA</b> | <b>FP, FSU DAN INHAD</b> |
|---------------------|--------------------------|
| Tempat              | PUSAT KONVENSYEN UIS     |
| Tarikh              | 3 Oktober 2023 (Selasa)  |
| Masa                | 9.00 pagi – 4.00 petang  |

| <b>HARI KEDUA</b> | <b>FPM</b>              |
|-------------------|-------------------------|
| Tempat            | PUSAT KONVENSYEN UIS    |
| Tarikh            | 4 Oktober 2023 (Rabu)   |
| Masa              | 9.00 pagi – 4.00 petang |



|                    |                         |
|--------------------|-------------------------|
| <b>HARI KETIGA</b> | <b>FPPI DAN FMKK</b>    |
| Tempat             | PUSAT KONVENSYEN UIS    |
| Tarikh             | 5 Oktober 2023 (Khamis) |
| Masa               | 9.00 pagi – 4.00 petang |

5.2 Penalti akan dikenakan dalam kes-kes berikut (tertakluk pada pindaan):

| BIL | PERKARA   | KADAR (RM)                                      |
|-----|---|---|
| 1.  | Denda rosak/hilang jubah akademik graduan                   | 500.00  |
| 2.  | Denda rosak/hilang mortar board                             | 100.00  |
| 3.  | Denda rosak/hilang hood                                     | 100.00  |
| 4.  | Denda rosak/hilang Kad Graduan                              | 10.00   |
| 5.  | Denda lewat memulangkan Pakaian Akademik/mortar board/ hood | 10.00 (sehari) termasuk Sabtu, Ahad & Cuti Umum |

**Nota:**

Bayaran penalti boleh dibayar di Aras 1, Kaunter Pejabat Bendahari seperti di Jadual berikut:

| HARI           | MASA  |
|----------------|---|
| Isnin – Khamis | 9.00 pagi – 4.30 petang                                   |
| Jumaat         | 8.30 pagi – 12:30 tengah hari & 3.00 petang – 4.30 petang |

**\*Kaunter Pejabat Bendahari tidak beroperasi pada hari Sabtu, Ahad & Cuti Kelepasan Am.**

5.3 Sekiranya Pakaian akademik, mortar board/bonnet dan hood tidak dapat dipulangkan dalam tempoh yang ditetapkan atas sebab-sebab tertentu, Graduan boleh mewakilkan kepada orang lain untuk memulangkannya. Borang wakil memulangkan Pakaian Akademik (**Robe Return Verification**) boleh diisi dan dimuat turun di <http://konvo.kuis.edu.my>.

## 6.0 PENGAMBILAN SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

- 6.1 Sijil dan Transkrip Akademik boleh diambil selepas selesai semua urusan pemulangan Pakaian akademik graduan (mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh pihak UIS).
- 6.2 Bagi graduan yang tidak berkesempatan mengambil Sijil dan Transkrip Akademik atau tidak menghadiri Majlis Konvokesyen, ianya boleh dituntut dalam tempoh **tiga (3) bulan** selepas tarikh Majlis Konvokesyen di Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA). Pihak UIS tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kerosakan/kehilangan dan sebagainya ke atas Sijil dan Transkrip Akademik sekiranya tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan di atas.
- 6.3 Sila kemukakan **Resit Rasmi UIS (bayaran yuran graduasi)** dan slip pemulangan Pakaian akademik graduan apabila berurusan mendapatkan Sijil dan Transkrip Akademik.
- 6.4 Graduan boleh mewakili orang lain untuk mengambil Sijil dan Transkrip Akademik dengan cara mengisi dan memuat turun Borang Surat Kuasa Pengambilan Sijil dan Transkrip Akademik (***Authorisation of Scroll and Academic Transcript Collection***) serta mengemukakan salinan kad pengenalan Graduan dan juga wakil dan resit bayaran yuran graduasi.
- 6.5 Sijil dan Transkrip Akademik juga boleh dimohon melalui kaedah pengeposan dengan permohonan rasmi melalui e-mel [transcript@kuis.edu.my](mailto:transcript@kuis.edu.my) dan menyertakan **resit rasmi UIS (bayaran yuran graduasi), alamat terkini beserta wang pos sebanyak RM10.00 (pemohon tempatan)**. Manakala caj pos bagi luar negara akan dimaklumkan mengikut caj negara pemohon. Pihak UIS tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan/kerosakan Sijil dan Transkrip Akademik yang dimohon melalui pos.
- 6.6 Para Graduan **perlu menjelaskan segala yuran pengajian tertunggak dan yuran graduasi sebelum dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen serta mengambil Sijil dan Transkrip Akademik** (Peraturan Akademik KUIS Pindaan 2011: 6.3 (d) dan (e)).

## 7.0 KEHILANGAN SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

Polisi UIS telah menetapkan bahawa Sijil dan Transkrip Akademik hanya dikeluarkan **sekali sahaja** kepada Graduan dan tiada sebarang penggantian dibuat sekiranya dokumen ini hilang atau rosak. Oleh itu Graduan dinasihatkan agar menyimpan Sijil dan Transkrip Akademik dengan baik dan selamat.

Sekiranya Sijil atau Transkrip Akademik hilang atau rosak, pihak UIS akan mengenakan caj sebanyak **RM50.00** (bagi Sijil) dan **RM20.00** (bagi Transkrip Akademik) beserta satu laporan polis untuk cabutan Sijil atau Transkrip Akademik.

Cabutan Sijil atau Transkrip Akademik boleh dikeluarkan dalam tempoh satu (1) minggu selepas menerima Borang Permohonan Sijil dan Transkrip Akademik yang boleh didapati di Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA).

## 8.0 KESILAPAN MAKLUMAT DALAM SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

Sebaik sahaja menerima Sijil dan Transkrip Akademik, graduan perlu menyemak untuk mengenalpasti sebarang kesilapan. Sekiranya terdapat kesilapan maklumat dalam Sijil atau Transkrip Akademik ianya akan diganti baharu dengan syarat kesilapan itu berpunca daripada UIS dan hendaklah dilaporkan secara bertulis dalam tempoh **tiga (3) bulan** selepas tarikh Majlis Konvokesyen. Selepas tempoh ini, Sijil dan Transkrip Akademik tidak akan lagi dikeluarkan.

## 9.0 IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN UNIVERSITI ISLAM SELANGOR

| <b>Kelas Kepujian</b> | <b>Himpunan Purata Nilai Gred</b> |
|-----------------------|-----------------------------------|
| Pertama               | 3.75 - 4.00                       |
| Kedua (Atas)          | 3.00 - 3.74                       |
| Kedua (Bawah)         | 2.00 - 2.99                       |

## 10.0 RAPTAI

Sesi raptai Majlis Konvokesyen Kali Ke-26 UIS akan diadakan pada **22 September 2023 (Jumaat), jam 10.00 pagi.**

## 11.0 PAS MASUK

Setiap Graduan akan diberi Pas Masuk sebagai kebenaran (akses) masuk ke kampus bagi menghadiri Majlis Konvokesyen Kali Ke-26 UIS.

Pas Masuk hendaklah sentiasa dipamerkan di atas *dashboard* kenderaan semasa memasuki kampus. Kenderaan Graduan atau tetamu (ibu bapa/penjaga atau pasangan) yang tidak mempamerkan Pas Masuk di atas *dashboard* tidak dibenarkan masuk ke kampus.

## 12.0 LALUAN MASUK DAN TEMPAT LETAK KENDERAAN GRADUAN

### 12.1 Laluan Masuk Kenderaan Graduan atau Tetamu Ke Dalam Kampus

Graduan/Tetamu yang memasuki UIS hendaklah patuh dengan arahan dan panduan yang diberikan oleh Pengawal Keselamatan/Rela pada hari Majlis Konvokesyen.

### 12.2 Tempat Letak Kenderaan Graduan dan Zon Menurunkan Graduan oleh Tetamu

Tempat meletak kenderaan akan disediakan di zon-zon yang bersesuaian sepertimana yang ditetapkan oleh Bahagian Keselamatan UIS.

Graduan sidang Pagi dan Petang

- A. Parkir A (parkir selepas Pondok Keselamatan)
- B. Parkir B (laluhan kiri selepas Bulatan Antarabangsa)
- C. Parkir C (laluhan kiri selepas simpang Masjid Al-Azhar)

- D. Parkir D (parkir Akademik 1)
- E. Parkir E (belakang Fakulti Syariah dan Undang-Undang)

Graduan/ibu bapa/penjaga atau pasangan hendaklah mematuhi arahan Pengawal Keselamatan yang bertugas bagi melancarkan urusan.

Mohon rujuk Lampiran 1: Layout Parkir.

\* Sebarang pemakluman dan pindaan kepada zon meletak kenderaan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

### **13.0 RAWATAN KECEMASAN**

Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM)/St John Ambulans Malaysia yang dilantik akan bertugas semasa Majlis Konvokesyen untuk memberi rawatan kecemasan (sahaja) kepada Graduan (jika berkenaan). Tempat operasi adalah di belakang Pusat Konvensyen UIS. Sila hubungi Jawatankuasa Majlis Konvokesyen bertugas sekiranya anda memerlukan rawatan kecemasan. Graduan dan ibu bapa dinasihatkan untuk mengambil sarapan terutamanya kepada graduan yang mengalami masalah kesihatan seperti gastrik.

#### **MASALAH KESIHATAN (Graduan Kelainan Upaya/Mengandung)**

Sekiranya graduan mengalami masalah kesihatan yang ketara dan bermasalah untuk beratur seperti tiada keupayaan berjalan, graduan wanita yang mengandung, wanita yang baru lepas bersalin atau memakai kerusi roda, sila lapor diri terus kepada Jawatankuasa Majlis Konvokesyen yang bertugas agar proses memasuki dewan dipercepatkan.

## 14.0 PAKAIAN PARA GRADUAN

### 14.1 Pakaian Graduan Lelaki:

- Pakaian Akademik yang merangkumi jubah, mortar board/bonnet dan hood (disediakan oleh UIS).
- Sepasang Baju Melayu (warna bebas) berbutang lima dan bersamping songket (Baju Melayu Johor/leher Teluk Belanga **TIDAK DIBENARKAN**), atau
- Sut gelap (jeans /t-shirt **TIDAK DIBENARKAN**);
- Kasut kulit hitam dan stokin gelap (sneakers/sandal/kasut sukan/selipar **TIDAK DIBENARKAN**).

### 14.2 Pakaian Graduan Perempuan:

- Pakaian Akademik yang merangkumi jubah, mortar board/bonnet dan hood (disediakan oleh UIS)
- Baju kurung atau jubah. Graduan yang mengandung boleh memakai pakaian yang bersesuaian.
- Pemakaian Niqab dibenarkan namun perlu dibuka semasa sesi pengambilan skrol di atas pentas.
- Warna pakaian bebas. Kain jenis 'lace' boleh dipakai dengan syarat ada 'lining'.
- Tudung kosong dan tidak bercorak.
- Kasut bertutup (sneakers/sandal/kasut sukan/selipar **TIDAK DIBENARKAN**) Jika kasut bertumit, tinggi tidak melebihi 2 inci, bertutup, warna gelap dan bersarung kaki.
- Pakaian sopan dan menutup aurat.

**Graduan dikehendaki mematuhi kod etika berpakaian dan berpenampilan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan Graduan tidak dibenarkan masuk ke dalam Dewan untuk mengikuti Majlis Konvokesyen.**

## 15.0 PENAMPILAN

### 15.1 **Sahsiah Graduan Lelaki:**

Rambut lelaki hendaklah **pendek dan kemas**, tidak menjejaki kolar baju.

### 15.2 **Sahsiah Graduan Perempuan:**

Pakaian hendaklah sopan, menutupi aurat serta menepati syariah.

## CONTOH PEMAKAIAN PAKAIAN AKADEMIK



**CONTOH PEMAKAIAN PAKAIAN  
AKADEMIK GRADUAN LELAKI  
(SARJANA dan SARJANA MUDA)**



**CONTOH PEMAKAIAN PAKAIAN  
AKADEMIK GRADUAN PEREMPUAN  
(SARJANA dan SARJANA MUDA)**



**CONTOH PEMAKAIAN PAKAIAN  
AKADEMIK GRADUAN LELAKI  
(DIPLOMA)**



**CONTOH PEMAKAIAN PAKAIAN  
AKADEMIK GRADUAN PEREMPUAN  
(DIPLOMA)**

**GRADUAN YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN PAKAIAN  
DAN RUPADIRI SEPERTI YANG DITETAPKAN OLEH PIHAK UIS,  
TIDAK AKAN DIBENARKAN MENYERTAI MAJLIS  
KONVOKESYEN.**



## 16.0 PENGAMBILAN GAMBAR MAJLIS KONVOKESYEN

Para graduan **tidak dibenarkan mengambil gambar** atau mendapatkan bantuan orang lain untuk berbuat demikian semasa majlis berlangsung di dalam dewan. Semua gambar semasa Majlis Konvokesyen akan dikendalikan oleh syarikat fotografi yang dilantik oleh UIS. Para graduan akan dibekalkan kupon nombor selepas menerima sijil sewaktu Majlis Konvokesyen sedang berlangsung sebagai rujukan semasa pembelian gambar.

## 17.0 RESIT RASMI BAYARAN YURAN GRADUASI

Resit Rasmi Bayaran Yuran akan dipaparkan dalam portal MyKonvo setelah Graduan membuat bayaran penuh mengikut kaedah bayaran yang telah ditetapkan. Pembayaran terakhir perlu dibuat sebelum atau pada **31 Ogos 2023 (Khamis)**.

## 18.0 BAHAGIAN ALUMNI

### 18.1 KAJIAN PENGESANAN GRADUAN IPT/TRACER STUDY (SECARA ONLINE)

Semua Graduan **diwajibkan** melengkapkan **Kajian Pengesanan Graduan 1.0 (SKPG 1.0)** melalui pautan URL:

<https://graduan.mohe.gov.my/SKPG2023/>

Sistem boleh diakses bermula 23 Ogos 2023 (sebulan sebelum Majlis Konvokesyen).

Semua Graduan **dikehendaki mengemukakan satu salinan pengesahan kemaskini maklumat SKPG 1.0** semasa hari pengambilan jubah.

### 18.2 PORTAL ALUMNI (SECARA ONLINE)

Semua Graduan **diwajibkan** melengkapkan dan mengemaskini maklumat di Portal Alumni melalui pautan URL: [alumni.kuis.edu.my](http://alumni.kuis.edu.my)

Semakan akan dibuat semasa hari pengambilan jubah. Sistem boleh diakses

bermula 23 Ogos 2023 (sebulan sebelum Majlis Konvokesyen).

## 19.0 PERTANYAAN/MAKLUMAT LANJUT

Untuk sebarang pertanyaan berhubung perkara berikut sila hubungi;

|    |  |  |
|----|--|--|
| 1. | Pertanyaan berkaitan Majlis Konvokesyen                                  | ✉ <a href="mailto:konvo@kuis.edu.my">konvo@kuis.edu.my</a>   |
| 2. | Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) | 03 - 8911 7000 samb. 1208, 1209, 1218 dan 3325.<br>☎ +603 - 8925 7677<br>✉ <a href="mailto:transcript@kuis.edu.my">transcript@kuis.edu.my</a>        |
| 3. | Bahagian Hasil dan Kewangan Pelajar (BHKP)                               | 03 - 8911 7000 samb. 3399, 3335, 3332 dan 3344<br>☎ +603 - 8925 3106<br>✉ <a href="mailto:studentfinance@kuis.edu.my">studentfinance@kuis.edu.my</a> |
| 4. | Bahagian Alumni (Kajian Pengesanan Graduan IPT dan Portal Alumni)        | 03 - 8911 7000 samb. 3541, dan 3544<br>☎ +603 - 8926 6706<br>✉ <a href="mailto:alumni@kuis.edu.my">alumni@kuis.edu.my</a>                            |

Sekalung tahniah diucapkan sekali lagi kepada semua graduan dan selamat menerima Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma.

Sekian, terima kasih.

Daripada,

**Jawatankuasa Majlis Konvokesyen Kali Ke-26**  
**Universiti Islam Selangor**

### **PERHATIAN:**

**SILA AWASI BARANG-BARANG BERHARGA ANDA SEMASA BERADA DI DALAM DEWAN. PIHAK UIS TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS KEHILANGAN BARANG-BARANG BERHARGA TERSEBUT.**

## **PROSES PENGAMBILAN PAKAIAN AKADEMIK**

|  |   |
|--|---|
| <b><u>PROSES 1</u></b><br><b>KAUNTER A,</b><br><b>Dewan Mahasiswa</b>  | <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Kaunter Cagaran</b><br/>Penyerahan Sijil Akademik sebagai cagaran (deposit) untuk meminjam jubah;<br/><br/>Mengambil Slip Cagaran sebagai bukti penyerahan Sijil Akademik yang dicagar.</li></ul>  |
| <b><u>PROSES 2</u></b><br><b>KAUNTER B,</b><br><b>Dewan Mahasiswa</b><br><b>(hanya yang terlibat sahaja)</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Kaunter Bendahari (BHKP)</b><br/>Menjelaskan bayaran graduasi;</li><li>• <b>Mengesahkan bayaran dan mendapatkan resit rasmi.</b></li></ul>   |
| <b><u>PROSES 3</u></b><br><b>KAUNTER C,</b><br><b>Dewan Mahasiswa</b>  | <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Kaunter Alumni</b><br/>Penyerahan Salinan slip Kajian Pengesanan Graduan 1.0 (SKPG 1.0);<br/><br/>Menyemak kemaskini maklumat graduan di Portal Alumni;</li><li>• <b>Pengambilan Cenderahati Alumni</b></li></ul>  |
| <b><u>PROSES 4</u></b><br><b>KAUNTER D,</b><br><b>Dewan Mahasiswa</b>  | <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Kaunter Jubah</b><ul style="list-style-type: none"><li>▪ Mengambil Pakaian Akademik (jubah, mortar board/bonnet dan hood);</li><li>▪ Memastikan jubah, mortar board/bonnet dan hood yang diterima adalah saiz yang betul, berada dalam keadaan baik dan tiada kerosakan;</li><li>▪ Menyerahkan Borang Pengambilan Jubah kepada petugas;</li></ul></li><li>• <b>Menyerahkan kad pelajar untuk dipotong.</b></li></ul> |
| <b><u>PROSES 5</u></b><br><b>KAUNTER E,</b><br><b>Dewan Mahasiswa</b>  | <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Kaunter Kad Graduan</b><ul style="list-style-type: none"><li>▪ Semakan audio rakaman nama graduan</li><li>▪ Tayangan tatacara pemakaian kad Graduan</li></ul></li></ul>  |
| <b><u>PROSES 6</u></b><br><b>KAUNTER F,</b><br><b>Dewan Mahasiswa</b>  | <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Kaunter Fotografi</b><br/><br/><b>Tempahan pakej fotografi konvokesyen.</b></li></ul>  |

### **PERHATIAN:**

SILA AMBIL PERHATIAN, GRADUAN YANG TIDAK MELENGKAPKAN PROSES SEPERTI DINYATAKAN DI ATAS, **TIDAK AKAN DIBENARKAN** MENGAMBIL PAKAIAN AKADEMIK.

**PROSES PEMULANGAN PAKAIAN AKADEMIK**  
**SERTA PENGAMBILAN SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK**

|   |   |
|---|---|
| <p><b><u>PROSES 1</u></b><br/><b>KAUNTER A,</b><br/><b>Pusat Konvensyen UIS</b></p>   | <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Kaunter Jubah, Sijil dan Transkrip Akademik</b><ul style="list-style-type: none"><li>▪ Mengimbas kod QR Pemulangan Jubah</li><li>▪ Memastikan Pakaian Akademik (jubah, mortar board/bonnet dan hood) yang dipulangkan berada dalam keadaan baik;</li><li>▪ Memastikan graduan menerima Slip Pengesahan Pemulangan Jubah daripada petugas.</li><li>▪ Borang penalti/denda akan diberi di Kaunter C sekiranya berlaku kerosakan pada Pakaian Akademik;</li><li>▪ Graduan menuntut Sijil dan Transkrip Akademik.</li></ul></li></ul> <p><b>Sila semak butiran sebelum beredar meninggalkan kaunter.</b></p> |
| <p><b><u>PROSES 2</u></b><br/><b>* KAUNTER B,</b><br/><b>Pusat Konvensyen UIS</b><br/><b>(hanya yang terlibat sahaja)</b></p> | <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Kaunter Cagaran</b><ul style="list-style-type: none"><li>▪ Menyerahkan Slip Cagaran;</li></ul></li></ul> <p><b>Menerima Sijil Akademik yang dicagarkan.</b></p>  |
| <p><b><u>PROSES 3</u></b><br/><b>* KAUNTER C,</b><br/><b>Pusat Konvensyen UIS</b><br/><b>(hanya yang terlibat sahaja)</b></p> | <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Kaunter Bendahari (BHKP)</b></li></ul> <p>Menjelaskan denda kerosakan Pakaian Akademik (sekiranya ada).</p>  |

## **GRADUAN YANG TIDAK DAPAT HADIR KE MAJLIS KONVOKESYEN**

Sahkan pengesahan **TIDAK HADIR** Majlis Konvokesyen di laman web rasmi Majlis Konvokesyen UIS (<http://konvo.kuis.edu.my>)

## **PROSES PENGAMBILAN SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK BAGI GRADUAN YANG TIDAK DAPAT HADIR KE MAJLIS KONVOKESYEN**

### **BAHAGIAN ALUMNI**

- Penyerahan Salinan Slip Kajian Pengesanan Graduan 1.0 (SKPG 1.0) dan Semakan kemaskini Portal Alumni.
- Mengambil Cenderamata Alumni UIS
- Pengesahan **Borang Pengesahan Majlis Konvokesyen.**

### **BAHAGIAN HASIL KEWANGAN PELAJAR (BHKP), PEJABAT BENDAHARI**

- Semak dan jelaskan tunggakan yuran (jika ada);
- Jelaskan bayaran yuran graduasi RM350.00

### **SEKSYEN PEPERIKSAAN DAN PENGIJAZAHAN, BPA**

- Serahan Sijil dan Transkrip Akademik.

### **PERHATIAN:**

WAKIL GRADUAN JUGA MELALUI PROSES YANG SAMA. SILA RUJUK PANDUAN MAJLIS KONVOKESYEN DALAM PERKARA **5.3 DAN 6.0**

## SENARAI SEMAK GRADUAN HADIR MAJLIS KONVOKESYEN

| Bil/<br>No. | Perkara/Items   | Link  | (✓) |
|-------------|---|---|-----|
| 1.          | Menyemak status hutang melalui myAlumni   | <a href="http://onlineapp.kuis.edu.my:8080/alumni/login.jsp">http://onlineapp.kuis.edu.my:8080/alumni/login.jsp</a>   |     |
| 2.          | Menjelaskan tunggakan yuran sebelum atau pada <b>31 Ogos 2023 (Khamis)</b> ( <i>jika ada</i> )                            |   |     |
| 3.          | Menyemak susunan sidang   | <a href="http://konvo.kuis.edu.my/">http://konvo.kuis.edu.my/</a>   |     |
| 4.          | Membuat pengesahan kehadiran  |   |     |
| 5.          | <b>WAJIB</b> mengisi dan melengkapkan <b>Kajian Pengesanan Graduan 2023 (SKPG 1.0)</b> dan <b>kemaskini Portal Alumni</b> | <p><b>Kajian Pengesanan Graduan 1.0 (SKPG 1.0):</b><br/> <a href="https://graduan.mohe.gov.my/SKPG2023/">https://graduan.mohe.gov.my/SKPG2023/</a></p> <p><b>Portal Alumni:</b><br/> alumni.kuis.edu.my</p> |     |
| 6.          | Pendaftaran Gambar Pentas Majlis Konvokesyen Ke-26  | -   |     |

## SENARAI SEMAK GRADUAN TIDAK HADIR MAJLIS KONVOKESYEN

| Bil/<br>No. | Perkara/ Items               | Link  | (✓) |
|-------------|------------------------------|---|-----|
| 1.          | Membuat pengesahan kehadiran | <a href="http://konvo.kuis.edu.my">http://konvo.kuis.edu.my</a> |     |


## SENARAI SEMAK PROSES PENGAMBILAN SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK BAGI GRADUAN YANG TIDAK DAPAT HADIR KE MAJLIS KONVOKESYEN

| Bil/<br>No. | Perkara/ Items   | Link   | (✓) |
|-------------|--|--|-----|
| 1.          | Menyemak status hutang melalui myAlumni  |  |     |
| 2.          | Menjelaskan tunggakan yuran sebelum atau pada <b>31 Ogos 2023 (Khamis)</b> ( <i>jika ada</i> )   | <a href="http://onlineapp.kuis.edu.my:8080/alumni/login.jsp">http://onlineapp.kuis.edu.my:8080/alumni/login.jsp</a>  |     |
| 3.          | <b>WAJIB</b> mengisi dan melengkapkan <b>Kajian Pengesanan Graduan 2023 (SKPG 1.0)</b> dan <b>kemaskini Portal Alumni</b>                        | <b>Kajian Pengesanan Graduan 1.0 (SKPG 1.0):</b><br><a href="https://graduan.mohe.gov.my/SKPG2023/">https://graduan.mohe.gov.my/SKPG2023/</a><br><br><b>Portal Alumni:</b><br>alumni.kuis.edu.my |     |
| 4.          | Mencetak Borang Pengesahan Majlis Konvokesyen dan Resit Rasmi Yuran Graduasi dibawa bersama semasa hari pengambilan Sijil dan Transkrip Akademik | <a href="http://konvo.kuis.edu.my">http://konvo.kuis.edu.my</a>  |     |

Disediakan oleh:  
Jawatankuasa Induk Majlis Konvokesyen Kali Ke-26 Tahun 2023  
Universiti Islam Selangor

Tarikh dikemaskini: 23 Ogos 2023





## LAYOUT PARKIR MAJLIS KONVOKESYEN KUIS KE-26 PADA 23-26 SEPTEMBER 2023